


Headline	Sabah pulih hutan rosot jadi 'makmal hidup' bertaraf dunia		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	30 Mar 2025	Color	Full Color
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	7	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	743 cm²
Journalist	Lemin Madi	AdValue	RM 3,947
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 11,841



Sabah pulih hutan rosot jadi 'makmal hidup' bertaraf dunia

Emin Madi

IAUH di pedalaman Tawau, Sabah, suatu transformasi luar biasa sedang berlaku.

Sesuatu yang bermula sebagai eksperimen berani dalam pemulihan hutan, kini berkembang menjadi antara kisah kejayaan pemuliharaan alam sekitar paling luar biasa di dunia.

Kini sempurna, Projek Rehabilitasi Hutan Tropika Innoprise-Ikea (Inikea) di Luasong itu mengambil masa 20 tahun untuk siap, dan peneraju projek menetapkan sasaran baharu - mengubah hutan yang dipulihkan itu menjadi 'Makmal Pemuliharaan Hutan Hujan Hidup' pertama di dunia yang akan berperanan sebagai pusat kecemerlangan pengetahuan tentang pemulihan hutan hujan tropika.

Inikea bermula pada Jun 1998, susulan memorandum persefahaman antara anak syarikat pelaburan Kumpulan Yayasan Sabah, Innoprise Corporation Sdn Bhd (ICSB) dan Sow-a-Seed Foundation di bawah Ikea, syarikat runcit perabot dari Sweden.

Projek rintis itu merangkumi pemulihan 14,009 hektar hutan hujan di Tawau yang musnah akibat kebakaran hutan pada 1983, menjadikannya satu daripada usaha pemulihan hutan paling penting di dunia.

Merupakan satu daripada inisiatif terbesar dan paling lama berlangsung di Malaysia, Inikea melibatkan penanaman semula kira-kira lima juta anak pokok daripada 92 spesies asal.

Inikea juga menyaksikan penglibatan University of Agriculture Sciences (SLU) Sweden yang menyediakan sokongan penyelidikan dan teknik kepada projek, sementara jawatankuasa penasihat dianggotai wakil daripada Kumpulan Yayasan Sabah, Ikea, WWF-Malaysia, SLU, Jabatan Hidupan Liar Sabah, Universiti Malaysia Sabah dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia.

Bulan lepas, Kumpulan Yayasan Sabah dan Sow-a-Seed Foundation memperbaharui perkongsian mereka selama 10 ke 20 tahun lagi. Pengarah Yayasan Sabah Datuk Seri Gulamhaider Khan Bahadur Yusof Khan dipetik berkata mereka akan memperkenalkan inisiatif makmal pemulihan hutan hujan hidup sebagai sebahagian daripada kerjasama berterusan mereka.



HUTAN itu kini bersedia untuk menjadi 'Makmal Pemuliharaan Hutan Hujan Hidup' bertaraf dunia.

"Usaha baharu ini akan meningkatkan penyediaan, pendidikan dan amalan terbaik dalam pemulihan hutan hujan," katanya.

Pemulihan bertaraf dunia

Sementara itu, pakar menyifatkan hasil Inikea sebagai "satu kejayaan yang luar biasa". Di sebelah kejayaan pemulihan hutan hujan terosot itu, yang menjadikan projek tersebut benar-benar istimewa ialah kepelbagaian hidupan yang kembali ke hutan.

Pengerusi Sow-a-Seed Foundation Asa Skogstrom Feldt, 56, berkata: "Projek ini bukan sahaja penting tetapi juga unik, baik di Malaysia ataupun di peringkat antarabangsa. Projek menunjukkan bahawa pemulihan hutan boleh dijayakan dengan komitmen jangka panjang. Inisiatif ini juga menjadi model dalam usaha pemuliharaan alam semula jadi."

Beliau turut teruja kerana tapak Inikea itu telah dipulihkan sepenuhnya dan diklasifikasikan sebagai hutan simpan Kelas 1 - status pemuliharaan tertinggi di Malaysia.

"Benar-benar luar biasa. Hidupan liar kembali ke kawasan itu. Saya telah melawat Luasong sebanyak tiga kali, dan tahun lalu (2024), saya melihat dua doyen gajah pygmy Borneo liar di sana. Begitu banyak hidupan liar telah kembali ke kawasan tersebut," katanya kepada Bernama.

Penyelidik SLU, Ulrik Ilstedt, 52, yang

terlibat dengan projek Inikea selama lebih 10 tahun, juga teruja dengan kembalinya hidupan liar ke Luasong.

"Projek Inikea ini benar-benar unik dan amat mengembirakan apabila melihat peningkatan semula bilangan pelbagai spesies hidupan liar," katanya.

Feldt berkata mereka mengetengahkan Inikea di pentas dunia termasuk COP (Persidangan Pihak-pihak, iaitu persidangan perubahan iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu) bagi meningkatkan kesedaran global serta membolehkan negara-negara lain mempelajari pencapaian Malaysia.

"Banyak pihak di peringkat antarabangsa menunjukkan minat besar untuk belajar tentang projek ini," katanya, menambah beliau sendiri mempelajari banyak perkara daripada projek tersebut.

"Sebanyak 92 spesies pokok telah ditanam di tapak projek Inikea yang menjadikannya unik di peringkat global kerana kepelbagaiannya. Projek ini juga menekankan kepentingan komitmen jangka panjang dalam kerja-kerja pemulihan, kerana hutan tumbuh secara perlahan dan memerlukan usaha yang berterusan."

Feldt berkata fasa seterusnya projek Inikea akan melibatkan lebih banyak penyelidikan dengan penglibatan penyelidik tempatan dan antarabangsa daripada SLU serta universiti-universiti lain di rantau Nordic.

Tentang rancangan menjadikan tapak Inikea sebagai 'Makmal Pemuliharaan Hutan



BEBERAPA pelajar asing di projek Inikea mendapatkan beberapa input daripada pakar penyelidik.

Hidup', beliau berkata projek itu akan menampilkan hutan yang telah dipulihkan serta pelbagai plot ujian, teknik pemulihan yang berbeza dan campuran spesies pokok yang pelbagai.

Penyelidikan

Menurut Ilstedt pula, kejayaan Inikea termasuk pembinaan infrastruktur di kawasan itu - telah membuka laluan kepada kegiatan penyelidikan oleh pengkaji tempatan dan antarabangsa.

"Pelajaran paling menarik yang saya pelajari daripada Inikea ialah keperluan pemantauan jangka panjang hutan bagi meneliti perkembangannya serta memahami bagaimana projek itu menyumbang kepada ekosistem," kata beliau.

Ilstedt berkata kajiannya di Inikea meliputi, antaranya plot penyelidikan dan eksperimen dengan pelbagai metodologi.

"Penyelidikan ini bertujuan meningkatkan pemulihan hutan serta kepelbagaian dan strukturnya, selain mempamerkan manfaat alam sekitar dan sosial daripada usaha pemulihan kawasan hutan yang terosot secara luas," katanya.

Tambah beliau, bagi meningkatkan kebolehlihatan Inikea di peringkat antarabangsa, pihak berkenaan harus memupuk jaringan kerja agar pengetahuan yang diperoleh daripada projek itu dapat dikongsikan dengan semua pihak berkepentingan.

"Ada peluang besar untuk memban-

gunkan projek Inikea sebagai pusat penyelidikan serta destinasi pelancongan, di mana pengunjung boleh mempelajari tentang alam semula jadi, hidupan liar dan usaha pemulihan," tambahnya.

Sementara itu, Dr Mikhail Tarasov, 50, Ketua Perhutanan di Inter Ikea Group, berkata kejayaan projek Inikea ialah contoh terbaik bagaimana alam semula jadi dapat dipulihkan.

"Kejayaan Inikea juga menunjukkan keperluan dari segi komitmen, pembiayaan, kepakaran dan masa. Semua elemen yang diperlukan untuk memulihkan hutan memerlukan konsistensi. Ia adalah pengalaman yang menakutkan dan unik untuk melihat bagaimana spesies baharu berkembang dan bergembleng membentuk hutan dalam jangka masa panjang," katanya.

Tambah beliau, pengetahuan itu boleh diterjemahkan dan disampaikan kepada komuniti saintifik bagi menarik perhatian para penyumbang yang membiayai usaha pemulihan hutan seperti ini.

Seorang lagi penyelidik SLU, Prof Madya Petter Axelsson, 51, yang turut terlibat dalam projek Inikea berkata pemulihan hutan kini menjadi agenda utama di peringkat global.

"Ketika saya melawat Luasong 15 tahun lalu, saya menyadari potensi pokok asal untuk usaha penghijauan semula. Dalam satu ekosistem yang mengandungi ribuan spesies, terdapat banyak pilihan, selain cabaran yang perlu kita atasi," tambahnya.



FELDT, Pengerusi Sow-a-Seed.